

01/06/2001

Tugas rakyat kekalkan perpaduan, keharmonian

Datuk Lee Lam Thye

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan dengan tepat bahawa perpaduan adalah hadiah tidak ternilai harganya yang perlu dikekalkan semua rakyat dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Setiap rakyat Malaysia yang cintakan keamanan mesti memberikan komitmen sepenuhnya terhadap keharmonian dan perpaduan. Usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk memupuk budaya yang membawa keamanan, keharmonian dan perpaduan.

Perpaduan dan keharmonian adalah dua perkara yang amat diperlukan di serata dunia dan Malaysia tidak terkecuali. Untuk memastikan keharmonian dan perpaduan di Malaysia, kita harus mewujudkan lebih banyak kegiatan yang membabitkan semua kaum pada peringkat akar umbi.

Banyak yang diperkatakan pada konvensyen dua hari mengenai perpaduan nasional baru-baru ini dan masih banyak yang perlu dilakukan untuk meningkat, mengekal dan menggalakkan perhubungan erat di antara rakyat Malaysia berbilang kaum. Ia adalah proses berterusan dan perlu diberikan keutamaan paling tinggi.

Usaha memupuk perpaduan perlu bermula dari peringkat persekolahan, iaitu dari tadika ke sekolah rendah, menengah dan seterusnya ke pusat pengajian tinggi iaitu usaha boleh dilakukan untuk menerapkan nilai harmoni dan perpaduan.

Memupuk perpaduan juga perlu dimulakan di kalangan jiran tetangga kerana di sinilah terletaknya kepelbagaian kaum dan nilai.

Kementerian Pendidikan perlu meningkat atau menambahkan skop mata pelajaran berkaitan 'moral' dengan memasukkan pengetahuan dan pelajaran mengenai perpaduan dan keharmonian kaum, selain menerapkan nilai integrasi kaum di kalangan pelajar berbilang kaum.

Saranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada semua rakyat Malaysia untuk berusaha dan membangunkan satu bangsa Malaysia yang bersatu adalah sesuatu yang patut diusahakan walaupun bukanlah satu perkara yang mudah.

Semua rakyat Malaysia perlu menyingkirkan perasaan takut, syak wasangka dan prejudis di antara satu sama lain demi untuk kebaikan bersama.

Ini adalah soal sikap. Perpaduan datangnya dari dalam diri kita dan dari hati kita. Perpaduan tidak dapat dicapai melalui paksaan atau perundangan. Ia lahir secara sukarela.

Memandangkan minat baru yang ditunjukkan oleh kerajaan terhadap perbincangan mengenai perpaduan, saya ingin mengambil kesempatan ini meminta kerajaan supaya mengambil langkah untuk memperkenalkan penilaian kesan projek pembangunan dari aspek sosial dan perpaduan kaum seperti yang dicadangkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua dalam laporannya kepada kerajaan.

Semua projek pembangunan perlu dikaji dengan teliti untuk memastikan kedatangan faedah dalam merapatkan perpaduan kaum di kalangan rakyat.

Projek yang menjurus ke arah perpecahan kaum perlu disemak dan diperbaiki.

Cadangan terbaru kerajaan untuk membuka perkhidmatan kerajaan kepada semua kaum bukan Bumiputera adalah satu keputusan positif yang melambangkan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum. Langkah ini juga baik untuk perpaduan dan keharmonian kaum.